



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 45

31 Januari 2002

No. 3

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

EXCISE ACT 1976

(Act 176)

No. 21.

PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESEN) TAHUN 1977

MESYUARAT LEMBAGA PELESEN

EXCISE (LICENSING BOARD) REGULATIONS 1977

LICENSING BOARD MEETING

Maka inilah dinyatakan iaitu Lembaga Pelesen Daerah Kubang Pasu yang ditubuhkan di bawah Akta Eksais 1976 berkenaan dengan Daerah Kubang Pasu akan mengadakan Mesyuarat bagi Setengah Tahun Pertama bagi Tahun 2002 di Pejabat Daerah Kubang Pasu pada hari Rabu 20 Februari 2002 jam 10.00 pagi bagi menimbang:

- (a) Permintaan-permintaan baharu bagi lesen-lesen menjual minuman keras; dan
- (b) Permintaan-permintaan bagi memperbaharui lesen-lesen menjual minuman keras bagi Setengah Tahun Pertama 2002.

2. Permintaan-permintaan itu hendaklah ditulis iaitu diperbuat empat salinan di dalam Borang yang dipertetapkan di dalam Jadual bagi Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) Tahun 1977 dan hendaklah dihantar kepada Pengerusi di Pejabat Daerah Kubang Pasu tidak lewat daripada empat minggu dahulu daripada:

- (a) 20 Februari 2002 berkenaan permintaan-permintaan baharu; dan

- (b) Tarikh lucut lesen sekarang berkenaan permintaan bagi memperbaharui lesen-lesen itu.

3. Tiap-tiap permintaan bagi lesen untuk rumah-rumah atau tempat-tempat yang belum pernah dilesenkan hendaklah dengan perbelanjaan sendiri mengiklankan dengan surat hal ia telah meminta kepada Lembaga supaya dikeluarkan lesen-lesen menerangkan keadaan lesen yang dipinta itu dan membentangkan iklan itu pada tempat yang mudah dilihat pada rumah-rumah atau tempat-tempat yang hendak dilesenkan itu selama dua (2) minggu dahulu daripada 20 Februari 2002.

Notice is hereby given that the Kubang Pasu Licensing Board constituted under the Excise Act, 1976 in respect of the District of Kubang Pasu will hold its First Half Meeting for the Year 2002 at the District Office Kubang Pasu on Wednesday 20th February 2002 at 10.00 a.m. to consider:

- (a) New applications for licences to sell intoxicating liquors; and
- (b) Applications for renewal of licences to sell intoxicating liquors for the First Half of the Year 2002.

2. Applications must be in writing in quadruplicate in the Forms prescribed in the Schedule to the Excise (Licensing Board) Regulations 1977 and must be submitted to the Chairman at the District Office Kubang Pasu not later than four weeks before:

- (a) 20th February 2002 in the case of new applications; and
- (b) Date of expire of the existing licences in the case of applications for renewal of such licences.

3. Every application for a licence for premises not previously licensed shall at his own expense advertise in writing the fact that he has made an application to the Board for the issue of licence, describing the nature of the licences applied for and displaying conspicuously such advertisement at the premises it is intended to be licensed for a period of two (2) weeks immediately preceding the 20th February 2002.

Bertarikh 12 Januari 2002.

Dated 12 January 2002.

[PSU(K) 333/1385 Jld. 2; PPKP/63/71/Jld. 8.]

DATO' HAJI ISMAIL BIN HAMID,
Pengerusi Lembaga Pelesen (Eksais),
Daerah Kubang Pasu,
Kedah Darul Aman

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

No. 22.

PEMBERITAHU DI BAWAH SEKSYEN 4
NOTIFICATION UNDER SECTION 4

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 4, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri selepas berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah Kulim dengan ini mengisytiharkan bahawa mulai 12 September 2001, Majlis Daerah Kulim adalah dikenali sebagai Majlis Perbandaran Kulim dan Pihak Berkuasa Tempatan tersebut dinaikkan taraf sebagai Majlis Perbandaran.

In exercise of the powers conferred by section 4, of the Local Government Act 1976, the State Authority in consultation with the Minister of Housing and Local Government and the District Council of Kulim hereby declare that with effect from the 12th of September 2001, the District Council of Kulim is to be known as the Municipal Council of Kulim and the status of the Local Authority shall be that of a Municipal Council.

Bertarikh 29 November 2001.

Dated 29 November 2001.

[PSU(K) 174/1417.]

KHARUDIN BIN ZAIN,
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Kedah Darul Aman

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
(Akta 172)
TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976
(Act 172)

No. 23.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 15(4)
NOTIFICATION UNDER SECTION 15(4)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 15(4), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Sungai Petani telah bersetuju menerima Rancangan Tempatan Sungai Petani (1996–2010) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Khas, Majlis Perbandaran Sungai Petani pada 30 Jun 2000 mengikut seksyen 15(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan penerimaan rancangan tersebut telah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Kedah Kali Ke-65 (3/2000) yang bersidang pada 6 Jun 2000 mengikut peruntukan seksyen 15(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Rancangan tersebut boleh didapati di Pejabat Majlis Perbandaran Sungai Petani untuk diperiksa oleh orang awam dalam waktu pejabat.

In exercise of the power conferred by section 15(4), of the Town and Country Planning Act 1976 (Act 172), it is hereby notified that the Majlis Perbandaran Sungai Petani has agreed to adopt the Sungai Petani Local Plan (1996–2010) which has been approved by

the Majlis Perbandaran Sungai Petani Special Full Council Meeting on the 30th June 2000 in accordance with section 15(1) of the Town and Country Planning Act 1976 and the 65th Kedah State Planning Committee (3/2000) was notified of the adoption of the aforesaid Plan on 6th June 2000 in accordance with section 15(3) of the Town and Country Act 1976 (Act 172).

The aforesaid plan is available at the Majlis Perbandaran Sungai Petani Office for public inspection during office hours.

Bertarikh 14 Januari 2002.

Dated 14 January 2002.

[PSU(K) 685/1404/B.]

KHARUDIN BIN ZAIN,
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Kedah Darul Aman

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 Tahun 1965)
NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 24.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICES OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION (OR NEW ISSUE DOCUMENT
IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below:

JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Kulim, Daerah Kulim; No. Lot/Bahagian dan No. Fail—
Lot 52 Sek 33, PTG.(Ked.) B/22/1999(IK); Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik—
696.74789 Meter Persegi, SPB 64942; Sebab-sebab—Hilang Dalam Simpanan.

Bertarikh 8 Disember 2001.

Dated 8 December 2001.

[PSU(K) 946/1379 Jld. 94; PTG.(Ked.) B/22/99/IK.]

ROZAINA BINTI DATO' PADUKA HAJI RADZI,
Pendaftar Surat-surat Hakmilik Tanah,
Kedah Darul Aman

No. 25.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below:

JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Baling, Daerah Baling; No. Lot/Bahagian dan No. Fail—Lot 55, PTG.(Ked.) B/10/2001(IK); Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik—111.1121 Meter Persegi, SKKB 82; Sebab-sebab—Hilang Dalam Simpanan.

Bertarikh 9 Disember 2001.

Dated 9 December 2001.

[PSU(K) 946/1379 Jld. 94; PTG.(Ked.) B/10/01/IK.]

ROZAINA BINTI DATO' PADUKA HAJI RADZI,
Pendaftar Surat-surat Hakmilik Tanah,
Kedah Darul Aman

No. 26.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule below:

JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan/Mukim—Baling, Daerah Baling; No. Lot/Bahagian dan No. Fail—Lot 53, PTG.(Ked.) B/9/2001(IK); Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik—121.6101 Meter Persegi, SKKB 79; Sebab-sebab—Hilang Dalam Simpanan.

Bertarikh 9 Disember 2001.

Dated 9 December 2001.

[PSU(K) 946/1379 Jld. 94; PTG.(Ked.) B/9/01/IK.]

ROZAINA BINTI DATO' PADUKA HAJI RADZI,
Pendaftar Surat-surat Hakmilik Tanah,
Kedah Darul Aman

No. 27.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN DOKUMEN
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

(Section 187B)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE DOCUMENT OF QUALIFIED TITLE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah:

In exercise of the powers conferred by section 187B of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace issue document of qualified title to the land described in the Schedule below:

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Sungai Seluang, Daerah Kulim; No. Lot/Bahagian dan No. Fail—PT. 2662, PTG.(Ked) B/65/2001(IK); Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik—130.06426 Meter Persegi, HS(D) 1226/90; Sebab-sebab—Hilang Dalam Simpanan.

Bertarikh 4 Disember 2001.

Dated 4 December 2001.

[PSU(K) 946/1379 Jld. 94; PTG.(Ked.) B/65/01(IK).]

ROZAINA BINTI DATO' PADUKA HAJI RADZI,
Pendaftar Surat-surat Hakmilik Tanah,
Kedah Darul Aman

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (PINDAAN 1997)
(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960 (AMENDMENT 1997)
(Act 486)

No. 28.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATIONS OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam iaitu Cadangan Pengambilan Balik Tanah untuk Jalan Masuk ke Projek Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Bukit Tukang Jusoh di Mukim Bukit Meriam, Daerah Kuala Muda, Negeri Kedah Darul Aman

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Public Purpose i.e. Proposed Land Acquisition for Access Road to Projek Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Bukit Tukang Jusoh at Mukim Bukit Meriam, District of Kuala Muda, State of Kedah Darul Aman

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Bukit Meriam; Daerah—Kuala Muda

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot		Lebih kurang Luas yang hendak Diambil	
			E. R.	P.	E. R.	P.
1237	GM 1772	Halimah binti Saad 40/240, Muhammad Hatta bin Mahmud 40/240, Hashim bin Salleh 120/ 240, Abdullah bin Chik 19/240 dan Norhayati binti Hashim 21/ 240 bahagian	4 3	29.86	0 0	27.39

Bertarikh 1 November 2001.

Dated 1 November 2001.

[PSU(K) 330/1422; PTG.(Ked.) L/25/2001.]

DATO' MOHD. OMAR BIN HAJI MOHAMED,
Pengaroh Tanah dan Galian

No. 29.

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam iaitu Cadangan Pengambilan Balik Tanah untuk Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Mukim Titi Gajah, Daerah Kota Setar, Negeri Kedah Darul Aman

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Public Purpose i.e. Proposed Land Acquisition for the Expansion of Sultan Abdul Halim Airport at Mukim Titi Gajah, District of Kota Setar, State of Kedah Darul Aman

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Titi Gajah; Daerah—Kota Setar

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot		Lebih kurang Luas yang hendak Diambil	
			E. R.	P.	E. R.	P.
106	SPK 20320	Md. Taib bin Haji Ali	0 2	14.64	0 2	14.64

Bertarikh 21 November 2001.

Dated 21 November 2001.

[PSU(K) 361/1421; PTG.(Ked.) L/24/2000.]

DATO' HAJI HASHIM BIN MAT NOOR,
Pengarah Tanah dan Galian

No. 30.

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tujuan Awam iaitu Cadangan Pengambilan Balik Tanah untuk Projek Pembangunan Sistem Tersier Blok SCRBD 1-1 Pendang di Mukim Padang Pusing, Daerah Pendang, Negeri Kedah Darul Aman

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Public Purpose i.e. Proposed Land Acquisition for the Development of Tertiary System in Block SCRBD 1-1 Pendang, Mukim Padang Pusing, District of Pendang, State of Kedah Darul Aman

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Padang Pusing; Daerah—Pendang

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil					
			Luas Lot					
			E.	R.	P.	E.	R.	P.
45	SPK 9332	Wahab bin Abdullah	1	1	28.88	0	1	07.84
48	GM 1421	Zakaria bin Jusoh @ Junus 1/4, Che Som binti Yunus 1/4, Kalsom binti Yunus 1/4 dan Zulkisfali bin Salleh 1/4 bahagian	1	2	35.04	0	0	30.39

Bertarikh 21 November 2001.

Dated 21 November 2001.

[PSU(K) 483/1403/L; PTG.(Ked.) L/5/82 Jld 6.]

DATO' MOHD. OMAR BIN HAJI MOHAMED,
Pengarah Tanah dan Galian

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad**.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA